

Kemenangan pemberian UMNO

Mn.M 3 1 OCT 1993

KOTA BHARU 30 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan kemenangan Pas dan Semangat 46 menyapu bersih kerusi Dewan Undangan Negeri dan Parlimen di Kelantan pada pilihanraya umum 1990 sebagai 'satu pemberian UMNO di atas talam emas'.

Perdana Menteri berkata, ini kerana UMNO pada masa itu sedang mengalami masalah perpecahan dalaman di kalangan anggotanya di negeri ini yang sekaligus membolehkan Pas dan Semangat 46, melalui Angkatan Perpaduan Ummah, memenangi pilihanraya itu.

"Tidak ada sebab lain yang boleh menyebabkan UMNO kalah teruk di Kelantan, yang mempunyai kira-kira 99 peratus orang Melayu sebagai pengundi, melainkan perpecahan dalam parti sendiri," katanya ketika berucap merasmikan Mini Konvensyen UMNO Negeri Kelantan, di sini hari ini.

Dr. Mahathir, yang juga Ketua Badan Perhubungan UMNO Kelantan berkata, punca perpecahan itu tidak penting lagi tetapi hakikatnya sekiranya UMNO bertanding dalam sesuatu pilihanraya pada masa anggotanya sedang berpecah belah, perpecahan itulah yang akan menjamin kekalahannya.

Beliau berkata, setiap anggota dan pemimpin UMNO di negeri ini perlu berpegang kepada tiga perkara pokok untuk memastikan parti itu kembali memegang tampuk pemerintahan.

Pertama, katanya, mereka jangan sekali-kali membuatkan UMNO sebuah parti yang tidak popular di kalangan rakyat negeri ini.

Beliau berkata, UMNO mesti popular kerana ia bukan sahaja memerlukan sokongan padu anggotanya untuk memenangi sesuatu pilihanraya tetapi juga sokongan pengundi yang tidak berada dalam parti itu.

Kedua, katanya, calon-calon UMNO yang bertanding pada sesuatu pilihanraya perlu berupaya meyakinkan semua pengundi, tanpa mengira parti, bahawa mereka ialah orang paling layak memimpin mereka.

Ketiga pula, katanya, anggota UMNO negeri ini perlu mengetepikan sentimen dan perasaan untuk memastikan kemenangan calon Barisan Nasional dalam sesuatu pilihanraya bagi memastikan tampuk pemerintahan dapat dirampas semula.

Perpecahan

Ketika diminta mengulas lanjut nasihatnya itu, Dr. Mahathir berkata, walaupun tiada perpecahan di kalangan anggota UMNO di negeri ini, nasihat seperti itu perlu diberi berulang kali bagi mengelakkan mereka lupa tanggungjawab masing-masing.

"Kadangkala kita terlalu ghairah, umpamanya semasa pemilihan parti, hingga lupa tujuan kita ialah untuk memenangi pilihanraya bagi membolehkan kita menubuhkan kerajaan," katanya.

Katanya, nasihat itu juga ditujukan kepada semua anggota UMNO di seluruh negara.

Dr. Mahathir juga mengingatkan anggota UMNO supaya tidak meneruskan strategi berkempen dalam pemilihan parti ketika pilihanraya kerana itu akan "menjamin kekalahan parti".